

Cerita Tun Daim di China



Saat ini Kerajaan Pakatan Harapan telah menggantung beberapa projek bersama China yang bernilai lebih USD20 bilion (RM80 bilion). Dalam usaha untuk merundingkan kembali segala terma berat sebelah yang diterima oleh kerajaan BN yang terdahulu, Perdana Menteri telah mengutus ahli Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin untuk ke China.

Langkah ini menimbulkan seribu satu persoalan: kenapa tidak Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah sahaja yang dihantar ke Beijing? Kenapa Tun Daim tidak ke China sewaktu lawatan rasmi Tun Mahathir ke sana sahaja yang dijangka Ogos nanti? Kenapa Tun Daim sahaja yang ke China tanpa diiringi pegawai kerajaan dari Wisma Putra atau Kementerian Kewangan?

Kemudian dua peristiwa besar

berlaku: Jho Low dilaporkan Sarawak Report (yang memetik sumber Hong Kong) telah ditangkap di China; SPRM pula menyerbu syarikat milik China yang terlibat dengan Landasan Berkembar Pantai Timur (ECRL) serta Saluran Paip Pelbagai Produk Petroleum (MPP) dan Saluran Paip Gas Trans-Sabah (TSGP) - betul-betul sebelum Tun Daim mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar China, Wang Yi.

Maka timbullah pelbagai teori yang menghubungkan kesemua persoalan di atas. Teori yang paling kontroversi - sekali gus yang paling menarik perhatian - ialah teori yang dikemukakan oleh laman *The Third Force* yang dilaporkan oleh *Malaysia Today* (Raja Petra Kamarudin RPK). Laman itu mengajukan andaian tentang hubung kait Tun Daim (bagi pihak Tun Mahathir) dengan syarikat-syarikat tertentu seperti institusi kewangan perbankan yang dikuasai beliau di Afrika. Selain Tun Daim, nama-nama seperti Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, Tan Sri Vincent Tan,

Tan Sri Robert Kuok, Datuk Seri Mokhzani serta Datuk Mirzan Mahathir turut dispekulasikan.

Secara khusus, Tun Daim dikatakan bergerak di China dengan tiga sasaran: projek ECRL, projek minyak dan gas, serta Jho Low. Dalam projek ECRL, seperti diketahui umum bahawa ia dibiayai sebahagian besarnya oleh bank China iaitu Export-Import Bank (EXIM). Di sinilah nama Tan Sri Robert Kuok ditimbulkan sebagai pemilik 13 peratus saham CITIC Limited, iaitu firma pelaburan yang dikuasai China juga.

Maka Tun Daim dispekulasi cuba untuk membahagikan pembiayaan ECRL daripada EXIM sahaja kepada bank yang beliau kuasai di Afrika Selatan, dengan pengaruh Tan Sri Robert Kuok dalam kerajaan China.

Berkenaan isu projek minyak dan gas pula, laman *The Third Force* berspekulasi bahawa Tun Mahathir ingin merundingkan projek penerokaan Laut China Selatan bersama China dengan turut melibatkan Tan Sri Syed

Mokhtar, Datuk Seri Mokhzani, dan Datuk Seri Mirzan.

Petronas yang kini memiliki teknologi penerokaan laut dalam mungkin turut dilibatkan, apatah lagi dengan keberadaan Tan Sri Hassan Merican. Tan Sri Vincent Tan sebelum ini turut menguasai syarikat T7 Global yang bukan sahaja terlibat dengan ECRL, bahkan juga bergiat dalam aktiviti minyak dan gas.

Serbuan SPRM ke atas syarikat milik China pula dikatakan isyarat keras kepada China agar menerima segala tuntutan yang dibuat oleh Tun Mahathir melalui Tun Daim. Hal yang sama boleh dilihat dengan pendedahan surat Jabatan Perdana Menteri (JPM) di bawah BN kepada CIA menjelang PRU14 tempoh hari yang didedahkan ketika Tun Daim berada di China, menunjukkan bahawa isyarat sedang dihantar kepada Beijing.

Jho Low turut dikatakan menjadi sasaran kunjungan Tun Daim. Sarawak Report yang melaporkan bahawa Jho Low telah ditahan di China. Setakat ini pihak berkuasa

hanya mengatakan tiada pengesahan tentang penahanan tersebut. Maka laman TTF berspekulasi mengatakan bahawa Tun Daim cuba berunding dengan Jho Low di China agar beliau berpihak kepada kerajaan PH dengan menjadi saksi kerajaan bagi mendakwa Datuk Seri Najib.

Tentulah kesemua plot spekulasi ini menarik untuk dibaca. Ibarat *thriller* kisah konspirasi. Namun selagi pihak kerajaan tidak menampilkan hujahan balas dan penerangan yang jelas tentang kesemua isu ini, maka spekulasi akan terus bertuip - dan dalam era Malaysia Baharu ini, spekulasi memang akan sentiasa bertuip kencang.

* Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)